



INTERCONTINENTAL SPECIALTY FATS SDN. BHD. (62068-U)
[A MEMBER OF THE NISSHIN OILLIO GROUP, LTD.]



Notis Perlindungan Data Peribadi Intercontinental Specialty Fats Sdn. Bhd.

**Lot 1, Lebuhr Sultan Hishamuddin 2
Kawasan 20, Bandar Sultan Suleiman,
42000 Pelabuhan Klang
Selangor Darul Ehsan**

INTERCONTINENTAL SPECIALTY FATS SDN. BHD. (62068-U)	Nombor Dokumen	:	ISF-RMD-PDPN-01
	Nombor Terbitan	:	01
NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI	Tarikh Terbitan	:	23 Julai 2025
	Muka Surat	:	2 dari 5

PRAKATA

Perlindungan data peribadi semakin popular dan memperolehi pengiktirafan undang-undang di dalam bidang kuasa di seluruh dunia termasuk Malaysia. Pada Jun 2010, Parlimen Malaysia telah menggubal Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta PDPA") untuk melindungi data peribadi individu dalam transaksi komersial. Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 menyelaraskan lagi Akta PDPA Malaysia dengan piawaian perlindungan data antarabangsa.

Notis Perlindungan Data Peribadi ini ("Notis") menerangkan cara kami mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan menyimpan data peribadi pihak berkepentingan kami. Notis ini akan diberikan kepada semua pihak berkepentingan kami untuk memaklumkan komitmen kami terhadap dasar perlindungan kerahsiaan, integriti dan keselamatan data peribadi yang diberikan kepada kami, selaras dengan pengiktirafan kami terhadap kepentingan data peribadi yang kami simpan dan kepercayaan yang diberikan terhadap kami.

Kami akan mengemaskini Notis ini dari masa ke semasa untuk menunjukkan sebarang perubahan dalam polisi, proses dan sistem kami berkenaan pengendalian data peribadi pihak berkepentingan. Sekiranya terdapat sebarang perubahan penting terhadap Notis ini, kami akan memaklumkan kepada pihak berkepentingan, melalui saluran komunikasi yang sesuai.

INTERCONTINENTAL SPECIALTY FATS SDN. BHD. (62068-U)	Nombor Dokumen	:	ISF-RMD-PDPN-01
	Nombor Terbitan	:	01
NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI	Tarikh Terbitan	:	23 Julai 2025
	Muka Surat	:	3 dari 5

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Kami, Intercontinental Specialty Fats Sdn Bhd ("**ISF**") menghormati privasi anda dan komited terhadap perlindungan data peribadi anda. Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis") ini bertujuan untuk menerangkan kepada anda cara-cara data peribadi anda dikumpul, digunakan dan didedahkan oleh ISF. Ia juga menerangkan bagaimana anda boleh mengakses dan mengemaskini data peribadi anda.

Data Peribadi

Sepanjang urusan anda dengan kami, anda mungkin diminta untuk memberikan data peribadi agar membolehkan kami melakukan transaksi dengan anda atau berkomunikasi mengenai perkhidmatan dan/atau produk yang berkaitan dengan perniagaan kami. Kami mungkin memproses (setakat yang berkenaan) data peribadi berikut seperti yang diberikan oleh anda; oleh sub-pemproses yang dilantik oleh kami; atau diperoleh daripada sumber awam, yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- (i) Identiti anda termasuk nama, tarikh lahir, umur, jantina, kewarganegaraan, nombor kad pengenalan/pasport, bangsa, agama, status perkahwinan, jawatan, nama dan tandatangan syarikat;
- (ii) Butiran hubungan anda termasuk surat-menyurat, alamat kediaman dan pejabat, nombor telefon, nombor faksimili dan alamat e-mel anda;
- (iii) Butiran kewangan termasuk penyata kewangan dan status perniagaan anda; dan
- (iv) Sebarang maklumat lain yang anda berikan atau perlu diberikan semasa anda berurusan dengan kami.

Tujuan memproses data peribadi anda ("Tujuan")

Data peribadi yang kami kumpulkan mungkin diproses untuk pelbagai tujuan, bergantung pada keadaan, termasuk:

- (i) Untuk mentadbir dan berkomunikasi dengan anda berhubung dengan produk, perkhidmatan dan/atau acara kami;
- (ii) Untuk memproses sebarang pembayaran yang berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan kami yang diminta oleh anda;
- (iii) Untuk mematuhi undang-undang, peraturan, garis panduan, kod dan keperluan berkanun;
- (iv) Untuk penyiasatan dalaman, pematuhan, keselamatan dan/atau tujuan audit; dan
- (v) Sebarang tujuan sampingan, tambahan atau lanjutan kepada tujuan di atas.

Pendedahan data peribadi anda

Anda bersetuju dengan kami atas pendedahan data peribadi anda kepada pihak ketiga berikut yang mungkin berada di dalam atau di luar Malaysia, dengan syarat negara penerima tersebut mempunyai undang-undang privasi data yang hampir serupa dan menawarkan tahap perlindungan yang setara, bagi sebab yang berkaitan dengan Tujuan:

- (i) Mana-mana Syarikat pegangan, anak Syarikat atau Syarikat berkaitan dengan kami yang mungkin melibatkan pemindahan data anda ke lokasi di luar Malaysia yang mempunyai undang-undang perlindungan data yang mencukupi;

INTERCONTINENTAL SPECIALTY FATS SDN. BHD. (62068-U)	Nombor Dokumen	:	ISF-RMD-PDPN-01
	Nombor Terbitan	:	01
NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI	Tarikh Terbitan	:	23 Julai 2025
	Muka Surat	:	4 dari 5

- (ii) Jabatan dan agensi Kerajaan, agensi penguatkuasa undang-undang, badan berkuasa kawal selia, badan berkuasa berkanun dan/atau pengawal selia industri dimana kami terpaksa atau dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang;
- (iii) Pihak ketiga atau sub-pemproses yang dilantik oleh ISF untuk menyediakan perkhidmatan kepada ISF atau bagi pihak ISF (termasuk juruaudit ISF, peguam, pembiaya, ejen, penasihat professional dan penyedia perkhidmatan lain yang sedemikian);
- (iv) Sesiapa yang berada di bawah kewajipan kerahsiaan dan/atau yang telah memikul tanggungjawab untuk merahsiakan data tersebut; dan
- (v) Mana-mana pihak lain, yang berkenaan dengannya dimana anda telah bersetuju untuk mendedahkan data peribadi anda.

Pengekalan data peribadi anda

Data peribadi anda tidak boleh disimpan lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi tujuan data peribadi anda dikumpul.

Perlindungan, Integriti Data and Hak Anda

Data peribadi anda adalah penting bagi kami. Kami berusaha untuk melaksanakan perlindungan dan keselamatan, prosedur dan polisi setakat yang boleh dilaksanakan dan mengikut undang-undang dan peraturan yang digunapakai untuk menghalang pemprosesan data peribadi yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang dan kehilangan, kemusnahan atau kerosakan secara tidak sengaja terhadap data peribadi.

Sebagai tambahan kepada pelaksanaan langkah-langkah keselamatan yang munasabah, kami memastikan bahawa hanya kakitangan yang diberi kuasa sahaja dibenarkan untuk memproses data peribadi anda. Individu-individu ini terikat dengan obligasi kerahsiaan, dan akses hanya diberikan kepada mereka yang memerlukan data tersebut bagi tujuan perniagaan yang sah.

Kami juga mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi yang diproses adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan dikemas kini apabila perlu, selaras dengan prinsip integriti data di bawah Pindaan PDPA 2024.

Anda berhak untuk mengakses dan membetulkan data peribadi anda yang disimpan oleh kami. Anda juga boleh menarik balik kebenaran anda terhadap pemprosesan data peribadi anda, tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang atau kontrak. Anda boleh mengemukakan permintaan kepada kami untuk melaksanakan hak-hak ini menggunakan maklumat hubungan yang dinyatakan dalam Notis ini.

Sekiranya berlaku pelanggaran data peribadi, kami akan memaklumkan pihak berkepentingan yang terjejas secara bertulis secepat mungkin. Kami juga akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyiasat, mengurangkan dan memperbaiki pelanggaran tersebut.

Kesan keengganan atau kegagalan untuk memberikan data peribadi

Keengganan atau kegagalan untuk membekalkan data peribadi boleh:

- (i) Mengakibatkan kami tidak dapat memberi maklumat tentang produk dan/atau perkhidmatan kami kepada anda;
- (ii) Mengakibatkan kami tidak dapat memproses sebarang permohonan atau permintaan yang anda kemukakan kepada kami; dan/atau

INTERCONTINENTAL SPECIALTY FATS SDN. BHD. (62068-U)	Nombor Dokumen	:	ISF-RMD-PDPN-01
	Nombor Terbitan	:	01
NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI	Tarikh Terbitan	:	23 Julai 2025
	Muka Surat	:	5 dari 5

(iii) Mengakibatkan kami tidak dapat mencapai mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas.

Pindaan Notis ini

Sila ambil perhatian bahawa ISF berhak untuk membuat sebarang perubahan dan/atau pindaan kepada Notis ini pada bila-bila masa. Sebarang perubahan dan/atau pindaan kepada Notis ini akan dimaklumkan melalui kaedah komunikasi yang dianggap sesuai oleh ISF.

Penarikan Balik Persetujuan, Akses, Pembetulan dan Aduan

Jika anda ingin menarik balik persetujuan anda daripada mana-mana aktiviti pemprosesan data kami atau untuk membuat sebarang pertanyaan atau memohon untuk mengakses, membetulkan, mengemaskini atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, sila hubungi kami di:-

Intercontinental Specialty Fats Sdn Bhd (198001008284 (62068-U))

Lot 1, Lebuhraya Sultan Hishamuddin 2,

Kawasan 20, Bandar Sultan Suleiman,

42000 Pelabuhan Klang,

Selangor Darul Ehsan.

Jabatan Pengurusan Risiko

Tel No. : +603-3176 3050

E-mel : hotline@isfdkl.com.my

Konflik

Sekiranya terdapat percanggahan antara Notis Perlindungan Data Peribadi Bahasa Inggeris dan Notis Perlindungan Data Peribadi Bahasa Malaysia ini, syarat-syarat dalam Notis Bahasa Inggeris akan mengatasi Notis Perlindungan Data Peribadi Bahasa Malaysia.